

## BAB I

### APLIKASI LINGUISTIK DALAM PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU

#### 1.1 Latar Permasalahan

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia yang mempunyai sistem pendidikan yang dinamik telah melaksanakan beberapa reformasi dalam bidang pendidikan. Antaranya termasuklah Laporan Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960) dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) yang merupakan perintis kepada pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang. Hasil daripada Laporan Kabinet (1979) inilah maka kurikulum pendidikan telah digubal secara berperingkat-peringkat.

Satu faktor yang mendorong berlakunya perubahan di dalam sistem pendidikan di negara ini ialah bahasa. Perubahan yang berlaku telah didominasikan oleh fungsi bahasa pengantar pengajaran dalam sistem pendidikan yang diamalkan. Dalam hubungan ini, pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar merupakan matlamat

dasar pelajaran di negara ini yang ingin menjadikan bahasa Melayu tunggal dan unggul sebagai bahasa pengantar yang utama dalam sistem pendidikan (Shahril @ Charil Marzuki, et al., 1993 : 53) baik di peringkat persekolahan mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Seperti yang kita sedia maklum, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Semenjak itu, para penggubal perlembagaan yang bertanggungjawab merangka dan meluluskan undang-undang dan perlembagaan negara ini telah menunjukkan iltizam dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Dalam tempoh sepuluh tahun selepas mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu telah dijangka akan dapat melaksanakan peranan dengan sepenuhnya sebagai bahasa rasmi negara bagi mengambil alih tugas yang telah dimainkan oleh bahasa Inggeris sebelum ini (Perlembagaan Persekutuan, 1978 : 172).

Bahasa Melayu kini merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara Malaysia. Dalam Perlembagaan Persekutuan jelas termaktub peruntukan khas iaitu dalam Perkara 152 yang menegaskan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini (ibid : 171). Dasar mengenai bahasa

kebangsaan ini terkandung dalam Perlembagaan Malaysia iaitu dalam perkara-perkara (i) Perkara 152 Perlembagaan Malaysia; (ii) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Disemak 1971); dan Pemberitahuan Undang-Undang No. 410 Tahun 1967 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982:15). Berdasarkan kepada peruntukan tersebut maka lahirlah beberapa laporan lain kemudianya sebagai hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh beberapa buah jawatankuasa yang telah bertanggungjawab merangka dan menyusun dasar pelajaran bagi negara Malaysia. Antara laporan-laporan yang paling penting dan bermakna ialah Laporan Penyata Razak (1956) dan Laporan Penyata Rahman Talib (1960).

Laporan Razak yang merupakan asas kepada pembentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan bagi negara ini, digubal dengan matlamat untuk membolehkan satu sistem pendidikan untuk semua kaum dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama (Shahril @ Charil Marzuki, et al., op cit. :53). Laporan Rahman Talib pula merupakan satu usaha untuk menyemak dan mengkaji semula dasar pendidikan kebangsaan sebagaimana yang telah dicadangkan dalam Laporan Razak dan kesan dalam pelaksanaannya (ibid:58).

Kalangan mereka yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap perkembangan bahasa Melayu, penetapan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam perlembagaan, sudah pasti merangsang reaksi dan keinginan untuk menghayati sejauh mana adanya usaha yang dilakukan oleh agensi atau institusi tertentu yang bertanggungjawab memainkan peranannya ke arah meningkatkan perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu waktu itu dan seterusnya. Dalam konteks pelaksanaan sistem pendidikan di negara kita, kesinambungan tersebut terlaksana dengan terdapatnya berbagai-bagai institusi pendidikan yang memainkan peranan dalam menjayakan matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan mata pelajaran yang diajar dalam kursus pengajian sama ada di peringkat sekolah ataupun pusat pengajian tinggi itu sendiri.

Di peringkat persekolahan, kaedah tersebut ditentukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pusat ini berperanan sebagai badan perancang manakala guru-guru pula sebagai pelaksana perancangan tersebut.

Dalam pada itu, kurikulum pendidikan bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi berlainan halnya pula. Di setiap institusi pengajian tinggi di negara ini, masing-masing mempunyai badan khusus yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kursus bahasa berkenaan. Setiap badan atau jabatan tersebut mempunyai fungsi yang tersendiri dalam menggubal dasar dan kurikulum pendidikan bahasanya.

Di maktab-maktab perguruan, kursus bahasa Melayu dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Bahasa Melayu masing-masing. Keutamaan kursus ini diajarkan kepada pelajar-pelajar yang belum lagi mencapai tahap kemahiran bahasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pendidikan Guru).

Di universiti-universiti pula, kursus-kursus bahasa Melayu ini dikendalikan oleh Pusat atau Unit atau Jabatan bahasa masing-masing (Awang Had Salleh, 1978:8). Kalangan institusi-institusi berkenaan juga mempunyai struktur atau pendekatan pengajaran yang berbeza dan tersendiri dalam mengendalikan kursus bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran yang diajarkan kepada pelajar-pelajar dan juga kakitangan.

Pada umumnya, matlamat pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi ialah antaranya bertujuan;

- a) Mencapai kemahiran dan kecekapan berbahasa dalam berbagai aspek dan disiplin di kalangan pelajar, seperti untuk tujuan berkomunikasi, berinteraksi, pengajian dan sebagainya.
- b) Membolehkan kakitangan akademik mengendalikan kursus pengajaran dan berkuliah dengan menggunakan pengantar bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.
- c) Membolehkan kakitangan am dan pentadbiran mencapai kemampuan mengamalkan bahasa Melayu dengan baik dalam berbagai sektor pengurusan dan pentadbiran, perhubungan dan surat-menyurat dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, suatu hal yang penting untuk diteliti ialah tentang kesedaran Universiti Malaya yang telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Bahasa sebagai sebuah jabatan yang mendokong matlamat

untuk mempertingkatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang unggul dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, terdapat beberapa aspek penting yang harus diteliti dan diberi pertimbangan, antaranya;

- a) Usaha-usaha menyediakan guru-guru atau tenaga pengajar yang terlatih, berkemampuan dan cekap dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran.
- b) Usaha-usaha menyusun, menyelaras dan melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang benar-benar bertenaga dan mampu mengungkapkan pelbagai bidang ilmu yang sesuai sepanjang masa dan dalam pelbagai situasi.
- c) Keupayaan guru-guru merangka, merancang dan mengemaskinikan strategi pengajaran bahasa Melayu yang tersusun, sistematik dan berkesan, di samping kebolehan mereka menguasai dan mempraktikkan pelbagai kaedah pengajaran yang bermutu dan menarik dari

semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan dalam kurikulum pendidikan bahasa itu sendiri.

- d) Usaha-usaha menghasilkan lebih banyak bahan penerbitan dan bacaan dalam bahasa Melayu, penerbitan berkala dan tak berkala, mempertingkatkan kegiatan penterjemahan dan sebagainya.
- e) Usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran bahasa Melayu, terutama dalam menyediakan alat dan bahan pengajaran yang sesuai sebagai alat bantu mengajar.

Sekiranya ditinjau perkembangan bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi khususnya dari segi tahap penguasaan bahasa di kalangan penuntut universiti, timbul pertanyaan, sejauh manakah mereka ini telah mempunyai kemahiran yang memuaskan dalam berbahasa Melayu? Dari sudut lain pula, apakah dengan syarat-syarat kepujian bahasa melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sudah mencukupi untuk membolehkan pelajar-pelajar yang diterima masuk ke

pusat-pusat pengajian tinggi dapat berkomunikasi dengan baik dan meyakinkan di samping membolehkan mereka menimba ilmu pengetahuan dengan cemerlang hingga ke akhir sesi pengajian mereka?

Dalam pada itu juga, masih terdapat rungutan di kalangan beberapa pihak tertentu yang masih mempertikaikan tahap penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar pusat pengajian tinggi khususnya universiti. Antaranya, ada pendapat yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar di universiti dan maktab masih lemah penguasaan bahasa Melayu mereka (Mohd. Ghazali, 1980:51). Dalam kajian lain pula mendapati adanya pelajar-pelajar yang lemah dari segi penyampaian fikiran, tatabahasa dan juga pertuturan (Nor Ein, 1985:6). Menurut Awang Had Salleh (1987:14) pula, penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi masih menimbulkan masalah. Institusi pengajian tinggi harus meneruskan peranan bagi menaikkan lagi taraf kecekapan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar. Mereka masih lagi memerlukan pembaikan taraf berbahasa Melayu mereka.

Dalam satu kajian yang pernah dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung dengan

permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu, telah mendapati bahawa masih terdapat kalangan pelajar yang tidak dapat membentuk struktur ayat bahasa Melayu yang tepat dan sesuai. Mereka keliru dengan sebutan bahasa Melayu baku dan keliru dengan laras bahasa dalam penulisan ilmiah. hasil kajian ini turut mendapati seramai 71.1% pelajar fakulti sains dan 54.3% pelajar dari fakulti bukan sains memberi pendapat bahawa pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan (UKM) memerlukan kursus kemahiran bahasa Melayu.

Memang tidak dapat dinafikan, hampir keseluruhan pelajar yang memasuki institusi pengajian tinggi masa kini adalah pelajar-pelajar yang telah pun mengikuti kursus pengajian mereka semasa di sekolah rendah dan menengah dalam bahasa Melayu. Secara umumnya, mereka ini dapatlah dianggap pelajar-pelajar yang cukup mampu dalam menerima ilmu pengajian mereka dalam bahasa Melayu. Namun demikian, masih ada kelompok-kelompok pelajar tertentu yang masih menghadapi masalah mengikuti pengajian dalam bahasa Melayu kerana kelemahan penguasaan bahasa mereka (Abdullah Hassan, 1989:79).

Implikasi kajian-kajian di atas jelas membuktikan bahawa masih terdapat kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi yang lemah dan menghadapi kesulitan dalam penggunaan bahasa Melayu.

### **1.2 Pusat Bahasa Universiti Malaya Sebagai Kajian Kes**

Matlamat dasar penubuhan Pusat Bahasa pada tahun 1972, pada asasnya adalah bertujuan memenuhi matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. Antara peranan utamanya ialah menjalankan tugas sebagai agen yang melaksanakan kursus-kursus bahasa, terutamanya memberi perkhidmatan mengajar bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar yang memerlukan di semua bahagian dan fakulti (Naemah Mohd. Ashaari, 1978:6) serta menyediakan kursus-kursus kecekapan kepada kakitangan yang memerlukan dari semua peringkat dan bahagian di Universiti Malaya. Ini selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah menentukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bagi semua tahap persekolahan dari peringkat rendah dan menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Dalam mengkaji proses pengajaran bahasa Melayu di Pusat Bahasa, elok kita singkap sejenak sebahagian matlamat awal penubuhannya. Antara lain tujuan ia diwujudkan ialah atas kesedaran untuk melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa pengantar pengajaran di institusi pengajian tinggi khususnya di Universiti Malaya. Hal ini pernah disuarakan oleh Profesor Dato' Asmah Haji Omar lebih dua dekad yang lalu (Asmah Hj. Omar, 1971:495).

Menurut Prof. Asmah, sungguhpun ada pengakuan akan mustahaknya pembelajaran bahasa Melayu oleh orang-orang Melayu dan juga bukan Melayu, negara ini kurang sedar akan satu keperluannya yang utama, iaitu sebuah Pusat Bahasa yang dilengkапkan dengan kemudahan makmal-makmal bahasa dan guru-guru terlatih. Universiti Malaya sudah sedar akan pentingnya pusat yang sedemikian itu dan dengan itu mendirikan sebuah Pusat Bahasa yang tidak lama kemudian memainkan peranannya (kini telah lebih dua dekad berfungsi) dengan cemerlang.

Penubuhan Pusat Bahasa tersebut diharap menjadi pemangkin modenisasi dalam pendidikan bahasa dengan lancar selaras dengan keperluan-keperluan semasa.

Dengan itu, setelah lebih dua puluh tahun berlalu, perlulah kita melihat dan menilai langkah-langkah Pusat Bahasa dalam memenuhi matlamatnya terutama dalam membantu menjadikan bahasa Melayu sebagai pengantar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di samping meningkatkan penggunaan bahasa tersebut di kalangan pelajar dan juga kakitangan di Universiti Malaya.

### **1.3. TUMPUAN KAJIAN**

Menerusi kajian ini, penulis akan meneliti aspek-aspek berkaitan dengan pendekatan Pusat Bahasa berhubung dengan proses pengajaran bahasa Melayu di Universiti Malaya. Pengetahuan mengenai kaedah adalah sangat penting dalam bidang pengajaran dan pembelajaran untuk apa jua mata pelajaran. Kaedah dalam pengajaran bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua ciri (Mohd. Hilmi Haji Ismail, 1982:64) iaitu;

#### **1) Teori Pengajaran Bahasa:**

Iaitu meliputi pengajian linguistik dan cabang-cabang ilmu pendidikan (psikologi, sosiologi, pedagogi, filosofi dan sebagainya).

2) **Aspek Praktik Pengajaran:**

Iaitu meliputi teknik menjalankan sesuatu pengajaran dalam kelas yakni cara mengajar.

Sebagai memenuhi matlamat pengajaran bahasa Melayu di institusi-institusi pengajian tinggi, selain kejayaan pusat-pusat pengajian bahasa melaksanakan tanggungjawab mencapai objektif penubuhan sepenuhnya, perspektif lain yang perlu ditekankan ialah peranan yang dimainkan oleh guru-guru bahasa Melayu. Kalangan tenaga pengajar perlulah cekap dan berkesan dalam mengemaskinikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kecemerlangan pendidikan bahasa bukan sahaja terletak kepada wujudnya pusat pengajian bahasa sahaja, tetapi juga bergantung kepada kecekapan dan kemahiran guru-guru mengeksplorasi segala bentuk metodologi pengajaran seperti penentuan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, pemilihan dan penyesuaian bahan pengajaran yang berkesan dan sebagainya yang berkaitan.

Pemilihan dan penyesuaian bahan pengajaran bahasa Melayu merupakan salah satu faktor penting yang

mencorakkan kejayaan serta keberkesanan dalam program pendidikan bahasa di peringkat pengajian tinggi. Bahan-bahan pengajaran yang dimaksudkan di sini ialah penggunaan bahan bantuan mengajar sama ada teks pegangan, teks tambahan atau alat-alat bantu lain yang digunakan oleh guru sebagai alat bantu mengajar atau rujukan. Bahagian Bahasa Malaysia iaitu sebuah jabatan yang dipertanggungjawab mengendalikan kursus bahasa Melayu atau lebih dikenali secara rasmi sebagai Bahasa Malaysia, di Pusat Bahasa adalah terlibat sepenuhnya dalam proses merancang, menyelaras dan menyediakan bahan-bahan pengajaran yang sesuai mengikut peringkat pengajaran dan pembelajaran bagi kursus bahasa yang diajar. Pemilihan dan penyesuaian bahan-bahan tersebut haruslah dilihat daripada tiga perspektif penting (Ibrahim Hj. Salleh, 1989:930) iaitu;

- a) Komunikatif - yang menyatakan bahawa bahasa adalah media komunikasi antara manusia.
- b) Struktural - yang menyatakan bahawa bahasa adalah satu sistem tatabahasa dan perbendaharaan kata.

c) Kemahiran - aspek yang menekankan empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Ketiga-tiga perspektif di atas didasarkan kepada prinsip-prinsip tertentu dalam pengajaran dan ia berkait erat dengan perkara-perkara berikut;

- a) Objektif dan matlamat pengajaran bahasa
- b) Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran
- c) Peringkat dan keadaan pelajar
- d) Situasi pembelajaran
- e) Minat dan motivasi pelajar

Penyediaan bahan pengajaran hendaklah sesuai dengan objektif dan matlamat pengajaran bahasa. Objektif pengajaran sama ada bersifat umum ataupun khusus, ditentukan melalui tafsiran guru terhadap sukatan pelajaran yang hendak diajar. Kandungan sukatan pelajaran bahasa yang hendak diajar hendaklah mengambil kira perkara berikut;

- a) Pandangan pengajar terhadap keperluan bahasa semasa.
- b) Keperluan komunikasi pelajar, bagi memastikan pelajar menguasai strategi komunikasi yang diperlukan.

Sebagai langkah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berprestij serta mendokong fungsi-fungsi penyataan khusus, maka pola-pola pendekatan pengajaran berdasarkan modul-modul pengajaran bahasa untuk tujuan khas perlu diterapkan mengikut kesesuaian atau keperluan dalam kaedah pengajaran bahasa Melayu. Tujuan pendekatan ini adalah sebagai kesinambungan untuk menjadikan bahasa Melayu kini mempunyai fungsi dan matlamat khusus seiring dengan bahasa-bahasa utama dunia yang lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengutarakan beberapa saranan yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak ke arah mempertingkatkan usaha-usaha melaksanakan kaedah-kaedah pengajaran yang lebih berkesan.

Justeru, bahan-bahan yang dipilih perlu disesuaikan dengan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Hal ini bermakna pendekatan, kaedah dan

teknik pengajaran hendaklah jelas dan penentuan dalam penggunaannya hendaklah dipastikan terlebih dahulu sebelum guru memulakan pengajaran.

Pada masa ini, kebanyakan guru sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi, lebih-lebih lagi yang diberikan tanggungjawab merancang dan melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran bahasa Melayu, masih tidak jelas tentang istilah-istilah itu sendiri, iaitu pendekatan (approach), kaedah (method) dan teknik (technique) dalam konteks pengajaran sebenar. Istilah-istilah berkenaan kadang kala digunakan dengan pengertian yang sama sahaja dan kadang-kadang pula dalam pengertian yang berlainan.

Kalangan ahli pedagogi yang matang lebih cenderung menggunakan istilah tersebut dalam pengertian yang berbeza tetapi saling berhubungan antara satu sama lain. Pendekatan adalah aksiomatik, kaedah adalah prosedur dan teknik pula adalah pelaksanaan. Kekaburuan tentang penggunaan istilah ini akan menyulitkan pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan pengajaran (*ibid* : 931). Justeru, sama ada kalangan tenaga pengajar dan ahli bahasa yang terdapat di Pusat Bahasa dapat dikategorikan dalam kelompok

ahli pedagogi bahasa yang dinamis dan mempunyai pengetahuan yang mencakupi keseluruhan aspek ilmu bahasa seperti yang dinyatakan di atas ataupun sebaliknya perlulah diteliti.

Kejayaan dan kecemerlangan sesuatu pengajaran bahasa pastinya terletak kepada sikap kreatif, bertanggungjawab dan inisiatif guru-gurunya dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran di samping bijak menggunakan pendekatan yang sesuai. Segala permasalahan di atas akan menjadi pokok perbincangan seterusnya maklumat serta hasil kajian yang diperolehi akan diketengahkan dalam penyelidikan nanti.

Fenomena lain yang dapat dikaitkan dengan permasalahan kajian ini ialah mengenai dengan pendekatan dan pendidikan bahasa yang diamalkan oleh Pusat Bahasa selama ini. Sehingga kini, sejauh manakah pendekatan yang dilaksanakan oleh Pusat Bahasa berupaya menonjolkan kecemerlangan akademik di kalangan pelajar? Persoalan yang wujud mungkin ada kaitan dengan beberapa faktor dalaman mahupun juga luaran. Justeru, beberapa persoalan yang berkaitan dengan kemungkinan tersebut antara lainnya ialah;

- a) Struktur perancangan dan pelaksanaan pendekatan pengajaran bahasa berkenaan.
- b) Program penyelidikan dan penghasilan bahan-bahan bacaan dan rujukan bermutu dalam bahasa Melayu.
- c) Tahap pendidikan dan iktisas guru-guru atau tenaga pengajar, jangka-harap pelajar-pelajar, kakitangan dan masyarakat terhadap prosedur dan amalan pengajian yang dilaksanakan.
- d) Keperluan-keperluan semasa kursus bahasa untuk tujuan-tujuan tertentu dan sebagainya.

Permasalahan tersebut akan dilihat secara objektif dan menyeluruh dari pelbagai perspektif dengan mengambil kira segala faktor penentu sebagai boleh-ubah yang mempengaruhi corak serta pendekatan pengajaran bahasa Melayu di Pusat Bahasa.

Langkah mempertingkatkan kemajuan bahasa Melayu belum sempurna tanpa adanya usaha-usaha penyelidikan dalam bidang berkenaan. Penyelidikan terhadap bahasa Melayu tentulah akan dapat membantu memperbanyakkan

khazanah ilmu bertulis dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, penyelidikan perlulah dimajukan baik dalam bidang pendeskripsian bahasa ataupun bidang pengajaran bahasa Melayu itu sendiri. Hanya melalui penyelidikan sahaja akan dapat menghasilkan pendapat dan bahan-bahan baru mengenai bahasa dan perkaedahan bahasa Melayu. Bahan-bahan dan perolehan dalam kaedah dan pendekatan baru akan dapat digunakan untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Tanpa penyelidikan, pembaharuan tidak akan berlaku dan seterusnya tanpa pembaharuan, proses pengajaran bahasa Melayu akan terus bergelumang dengan bahan-bahan dan kaedah-kaedah lama sahaja.

Untuk tujuan tersebut, ada banyak bidang yang perlu dikaji dengan mendalam serta meluas, umpamanya; kajian perbandingan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa tempatan lain atau bahasa-bahasa lain di Malaysia, kajian kaedah pengajaran bahasa Melayu, kajian masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan lain-lain. Bidang penyelidikan ini pasti amat penting dan berguna bagi pengajian bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi. Dengan itu, penubuhan Pusat Bahasa dengan fungsi sebagai sebuah institusi profesional pasti akan melihat cabaran dan persoalan tersebut

secara objektif. Untuk memastikan peningkatan dalam bidang pengajaran bahasa Melayu, Pusat Bahasa sudah tentu telah dan sentiasa bersedia merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam bidang berkenaan. Bagi memenuhi kriteria penyelidikan ini, perkara di atas akan difokuskan sebagai persoalan yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Dalam pada itu juga, idea pemilihan topik bagi penyelidikan ini juga adalah tercetus atas kesedaran untuk meninjau sejauh mana inisiatif penubuhan Pusat Bahasa di Universiti Malaya ini dapat memainkan peranannya untuk meletakkan bahasa Melayu di tahap yang gemilang lagi cemerlang dalam semua bidang dan disiplin ilmu, bukan sahaja dalam bidang pengajaran malah juga dalam bidang penyelidikan, penterjemahan dan penulisan ilmiah.

Sesuatu kecemerlangan yang hendak dicapai dalam pengajaran bahasa perlulah mengambil kira banyak faktor. Menerusi kajian ini, penulis akan cuba melihat keupayaan Pusat Bahasa menangani beberapa cabaran yang sedia ada selain daripada mengemaskinikan perancangan, aktiviti dan strategi pengajaran semasa dalam memenuhi keperluan-keperluan pendidikan bahasa yang semakin

berkembang dan mencabar. Pusat Bahasa sudah tentu berhadapan dengan beberapa persoalan yang memerlukan penyelesaian. Antara persoalan tersebut ialah;

- 1) Tahap pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar yang memasuki universiti dan juga kakitangan pada keseluruhannya masih tidak memuaskan. Ini sudah pasti akan memberi kesan dalam pengajaran dan tidak membawa pengaruh positif kepada sistem pendidikan bahasa yang dilaksanakan.
- 2) Pendidikan bahasa Melayu seperti yang kita sedia maklum mengalami perubahan, pemodenan dan standardisasi yang pesat dalam banyak aspek. Aspek kebahasaan yang negatif seperti kekurangan tenaga pakar dalam bidang pengajaran dan perancangan bahasa, kekurangan bahan bacaan yang bermutu dalam bahasa Melayu atau sumber-sumber telaah dan rujukan yang ditulis dalam bahasa Melayu yang bercelaru dan tidak selaras dalam hal ejaan, tatabahasa, istilah dan perancangan turut membantutkan tahap penguasaan bahasa yang diingini.

- 3) Status pendidikan serta kelayakan tenaga pengajar yang mengajar kursus bahasa Melayu adalah terdiri daripada kalangan guru yang mempunyai pelbagai latar belakang akademik dan iktisas. Bagi guru-guru yang tidak mendapat latihan khusus dalam bidang iktisas yang diceburinya, kurang penguasaan bahasa serta kaedah-kaedah pengajarannya pasti akan melemahkan sesuatu program pengajaran yang dirancang.
- 4) Masih kedapatan sikap memandang dingin dan tidak optimis terhadap bahasa Melayu itu sendiri terutama dari segi penggunaan dan pengajaran oleh pihak-pihak tertentu. Penyimpangan daripada peraturan-peraturan bahasa yang betul atau pencemaran bahasa adalah disebabkan oleh faktor kejahilan, kecuaian dan sikap tidak bertanggungjawab pengguna bahasa. Langkah mengetepikan reputasi negatif ini sudah pasti menjadi tanggungjawab berat bagi institusi yang terlibat dengan perancangan dan pengajaran bahasa Melayu.

Semua perkara yang dinyatakan di atas akan menentukan corak dan aliran perkembangan dalam pelaksanaan program pengajaran bahasa Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi khususnya di Pusat Bahasa, Universiti Malaya. Selama tempoh lebih dua dekad yang dilalui oleh Pusat Bahasa, kini ia akan menjadi bahan kajian untuk menilai peranan dan pencapaiannya dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi menampilk-jelaskan tahap-tahap perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan Bahagian Bahasa Malaysia, Pusat Bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Penulis berusaha untuk mengenal pasti tanggungjawab yang harus dimainkan oleh Pusat Bahasa, khususnya Bahagian Bahasa Malaysia, bermula daripada tahap perancangan dan penubuhannya, melangkaui tempoh-tempoh perkembangan yang dilaluinya selama lebih dua dekad yang lepas sehingga ianya bertukar taraf ke sebuah fakulti (1995). Di samping itu, kajian ini juga akan menggalurkan kesinambungan antara objektif serta matlamat penubuhan Pusat Bahasa dengan kejayaan dan pencapaiannya terutama berkaitan dengan pelaksanaan

pelbagai pendekatan pengajaran bahasa Melayu di Universiti Malaya.

Objektif lain kajian ini juga bertujuan menilai sejauh mana Pusat Bahasa amnya dan Bahagian Bahasa Malaysia khasnya berfungsi sebagai institusi bahasa yang dapat menggembung pelbagai pendekatan pengajaran dalam mengendalikan kursus bahasa Melayu di Universiti Malaya. Adakah Pusat Bahasa, menerusi program-program penyelidikan dan perancangan berjaya merancang dan memperkenalkan modul atau pendekatan pengajaran semasa dan berkesan untuk tujuan pengajaran bahasa Melayu, baik bagi tujuan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, bahasa kedua mahupun untuk tujuan-tujuan khas.

Seterusnya pula penulis akan meneliti bagaimana guru-guru mengamalkan pendekatan-pendekatan yang berfungsi sebagai agen dalam membentuk ciri-ciri kecekapan dan kemahiran berbahasa di kalangan pelajar sambil sekali gus menonjolkan identiti Bahagian Bahasa Malaysia dan Pusat Bahasa sebagai sebuah institusi yang berprestij dalam pengajaran bahasa Melayu yang bermutu. Selain itu, penulis akan mengenal pasti masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh tenaga

pengajar dalam merangka dan melaksanakan strategi atau pendekatan pengajaran bahasa Melayu.

Kajian ini juga tidak lupa mengenal pasti faktor dinamik yang menjadi penentu dalam mempengaruhi perkembangan dan perubahan fungsi dan fizikal Bahagian Bahasa Malaysia di Pusat bahasa, daripada satu bahagian induk yang besar, dengan anggaran tenaga pengajar seramai 65 orang pada awal penubuhannya pada sesi 1973/74 (Universiti Malaya, 1971:19) sehinggalah kepada keadaannya yang semakin mengecil dan terpencil pada penghujung "hayatnya" seperti yang ada sekarang ini dengan hanya 10 orang tenaga pengajar sahaja pada sesi Julai 1995.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Matlamat akhir kajian ini ialah mengenal pasti pendekatan-pendekatan pengajaran bahasa Melayu yang diamalkan oleh guru-guru di Pusat Bahasa, demi memenuhi fungsi dan tanggungjawab yang diletakkan kepada Pusat Bahasa. Akhirnya satu rumusan beserta saranan, pandangan dan cadangan akan diketengahkan untuk penelitian demi kepentingan pihak yang terlibat dalam program-program pengajaran bahasa Melayu di

peringkat universiti. Cadangan-cadangan ini diharap dapat dijadikan rujukan atau panduan dalam merangka strategi pengajaran yang sesuai di samping mempertingkatkan usaha dan kreativiti pihak terbabit dalam pengajaran bahasa Melayu supaya lebih menarik dan berkesan.

Natijah penyelidikan ini nanti akan meningkatkan pengamatan dan keyakinan guru-guru yang terlibat dengan aktiviti pengajaran bahasa Melayu di Pusat Bahasa khasnya dan di institusi pengajian tinggi lain amnya untuk memberi penelitian dan penumpuan yang lebih serius terhadap faktor-faktor pemangkin dalam bidang pengajaran seperti pendekatan, perkaedahan, prinsip, teori, strategi dan teknik-teknik baru pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan membosankan.

Hasil daripada kajian ini akan dapat memberi gambaran yang positif untuk menampilkkan kesedaran guru-guru terhadap pelbagai objektif dan pendekatan pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi. Berasaskan persoalan dan kelemahan yang dikenal pasti, dijangka akan membolehkan guru-guru mempertingkatkan usaha memperbaiki mutu pengajaran

dari semasa ke semasa. Faktor ini bertambah mendesak dalam menghadapi era baru dalam zaman maklumat dan globalisasi kini.

Selain daripada meneliti beberapa kelemahan dalam pelaksanaan pendekatan pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi, hasil kajian ini juga diharap dapat menggariskan beberapa panduan asas bagi guru-guru dalam melaksanakan pengajaran bahasa Melayu, iaitu antara lainnya;

- a) dapat membantu guru-guru mengenal pasti serta menggunakan pelbagai teknik dan kaedah yang tepat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu selaras dengan objektif pengajarannya serta sesuai dengan keperluan dan situasi tertentu.
  
- b) dapat memberikan pemahaman kepada guru-guru dalam menggunakan alat-alat bantu mengajar sama ada secara konvensional ataupun elektronik, yang sedia ada atau direka cipta sendiri oleh guru-guru untuk menghasilkan pengajaran bahasa yang menarik dan berkesan.

- c) dapat dimanfaatkan oleh guru-guru untuk membuat penyesuaian dalam memilih, merancang serta menyesuaikan bahan-bahan pengajaran bahasa Melayu mengikut kesesuaian sifat-sifat tabii, peringkat pencapaian dan kebolehan pelajar-pelajar serta matlamat dan tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- d) mengetengahkan beberapa garis panduan atau huraian untuk membolehkan guru-guru memahami mentafsir dan melaksanakan program dan sukatan pelajaran bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi khususnya di Universiti Malaya.

Pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh beberapa pihak mengenai kelemahan guru-guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan adalah suatu hakikat yang diberikan perhatian dalam kajian ini. Dengan itu, sudah pasti akan memberi kesempatan kepada guru-guru merenung dan menilai kembali prestasi pengajaran mereka. Dari situ, mereka berpeluang untuk mengambil inisiatif memperbaiki serta mempertingkatkan lagi mutu pengajaran mereka. Kita sedar prestasi guru

sentiasa menjadi ukuran di kalangan pelajar-pelajar dan dipersoalkan dari semasa ke semasa.

### **1.6 Metodologi Penyelidikan Dan Analisis Korpus**

Matlamat utama kajian ini adalah sebagai satu dokumentasi yang cuba mengenal pasti dan menilai pendekatan pengajaran bahasa Melayu di Pusat Bahasa, Universiti Malaya. Dalam usaha mendapatkan maklumat, usaha-usaha yang telah dijalankan termasuklah;

- a) Penentuan responden dan temu bual
- b) Rujukan perpustakaan

#### **1.6.1 Penentuan Responden dan Temu Bual**

Kalangan responden yang terlibat adalah terdiri daripada individu-individu yang terbabit secara langsung dalam aktiviti pengajaran bahasa Melayu di Universiti Malaya. Ini termasuk juga bidang tugas pentadbiran, perancangan, penyelarasaran dan agihan tugas, penetapan struktur kelas dan waktu tembung kursus bahasa Melayu di Universiti Malaya. Kalangan responden terdiri daripada mereka yang mempunyai maklumat dan pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai organisasi Bahagian Bahasa Malaysia, Pusat

Bahasa. Antara tokoh-tokoh pengajar yang terlibat dalam kajian ini ialah terdiri daripada mereka yang pernah menerajui bahagian sebagai Pengerusi seperti Tuan Haji Mohd. Tahir bin Abdul Rahman, Tuan Haji Said Halim Said Nong dan Tuan Haji Abdul Aziz bin Mohd. Shariff, kalangan tenaga pengajar serta bekas-bekas tenaga pengajar yang telah lama berkecimpung dalam lapangan pengajaran bahasa Melayu seperti Tuan Haji Ismail bin Awang, Puan Hajah Siti Fatimah bt. Ariffin, Puan Noor Zaini bt. Mohd. Ali dan En. Yahya bin Hussin.

Dua kaedah utama digunakan ke atas responden-responden sebagai sumber rujukan ialah menerusi temubual terancang dan juga temu bual susulan untuk pengesahan dan pengukuhan maklumat. Menerusi kaedah ini, penulis mengambil kesempatan mengenal pasti peranan dan tanggungjawab yang telah dimainkan terutama berkaitan dengan aktiviti perancangan dan pelaksanaan pengajaran bahasa Melayu kepada semua peringkat pelajar dari semasa ke semasa.

Beberapa siri temu bual dan wawancara sama ada secara formal atau tidak formal yang dilakukan telah menghasilkan maklumat yang jelas dan tepat, yang mana

sebahagiannya tidak mudah diperolehi dari rujukan semata-mata.

#### 1.6.2 Rujukan Perpustakaan

Disebabkan kajian ini lebih bersifat dokumentasi atau pensejarahan, rujukan perpustakaan menjadi teras kepada pengumpulan maklumat. Bagi memastikan sumber-sumber maklumat berkaitan diperolehi dengan lengkap dan tepat, penelitian tertumpu kepada bahan-bahan rujukan bercetak seperti teks-teks ilmiah, tesis atau kajian terdahulu yang sedia ada, majalah, manuskrip, kertas-kertas kerja penyelidikan serta minit mesyuarat bahagian. Bahan-bahan rujukan tersebut diperolehi daripada sumber-sumber berikut;

- a) Bahan yang terdapat di Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- b) Bahan pernubahan berkala Pusat Bahasa amnya atau Universiti Malaya khasnya.
- c) Bahan atau manuskrip yang tersimpan di kalangan individu tertentu.
- d) Fail-fail, rekod lama serta pekeliling jabatan dan universiti yang berkaitan yang tersimpan di Pusat Bahasa.